

BAB KEDUA

BAB KEDUA

HURUF-HURUF ABJAD BAHASA ARAB

2.1. Pembahagian Huruf-Huruf Abjad Dalam Bahasa Arab.

Bahasa merupakan suara yang yang digunakan oleh setiap bangsa bagi menyampaikan mesej mereka (Ibn Jinni. 1993: 1 / 31). Setiap bahasa itu pula mempunyai huruf-huruf abjadnya sendiri yang menjadi lambang kepada bahasa tersebut. Huruf-huruf abjad amat penting dalam apa jua bahasa sekali pun, kerana melalui huruf-huruf abjad itulah sesuatu bahasa itu dapat dipamerkan ataupun digunakan.

Setiap sebutan perkataan dalam mana-mana bahasa mesti berdasarkan kepada huruf-huruf abjadnya sendiri. Di dalam bahasa Melayu misalnya setiap perkataan yang disebut oleh penutur-penuturnya mestilah berdasarkan huruf-huruf abjad dalam bahasa Melayu. Sebutan perkataan di dalam bahasa Melayu yang tidak berdasarkan huruf-huruf abjadnya tidak dianggap sebagai perkataan dari bahasa Melayu, begitu juga dengan bahasa-bahasa lain. Jadi ini bermakna huruf-huruf abjad merupakan unsur yang asasi bagi setiap bahasa.

Sebarang perbincangan tentang perkara yang berkaitan dengan bahasa mestilah dimulakan dengan perbincangan tentang huruf-huruf abjadnya. Pembelajaran sesuatu bahasa juga mestilah dimulakan dengan pelajaran mengenai huruf-huruf abjadnya. Sebab itulah kalau kita lihat dalam pembelajaran al-Quran sendiri pun pembelajaran permulaan yang dikemukakan adalah mengenai huruf

abjadnya iaitu abjad Arab, tidak kira cara lama iaitu cara mengeja atau cara baru yang disebut sebagai cara qiraati dan sebagainya. Apa yang ditekankan ialah sebutan yang tepat terhadap huruf-huruf abjadnya.

Berdasarkan kepada realiti inilah, maka penulis di dalam bab ini cuba membincangkan tentang huruf-huruf abjad Arab kerana ia merupakan asas kepada bahasa Arab itu sendiri, di samping ia juga merupakan asas utama di dalam kajian ini secara keseluruhannya. Di sini penulis akan membincangkan jenis-jenis huruf abjad yang ada di dalam bahasa Arab serta pembahagian huruf-huruf abjad Arab. Huruf-huruf abjad Arab pasti mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri yang membezakan ia dari bahasa-bahasa lain, kerana bahasa Arab ini merupakan bahasa al-Quran, maka sudah pastilah ia mempunyai keunggulannya yang tersendiri.

Huruf-huruf abjad dalam bahasa Arab terdiri daripada 31 huruf sebagaimana berikut :

(ا ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن و ه ي ئ ئ)

Kesemua perkataan yang ada di dalam bahasa Arab dibentuk berdasarkan kepada huruf-huruf tersebut. Secara umumnya huruf-huruf tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

1. huruf-huruf konsonan
2. huruf-huruf vokal

Pembahagian ini berdasarkan kepada beberapa asas penting seperti berikut :

1. Aliran udara yang keluar melalui alat-alat pertuturan yang bermula dari paru-paru kemudian keluar melalui rongga mulut, hidung atau kedua-duanya sekali. Udara yang mengalir keluar itu boleh diubah sama ada terhalang sedikit atau terhalang terus semasa penyebutan huruf-huruf konsonan seperti

huruf-huruf ب - ث - ج dan sebagainya atau dilepaskan bebas semasa menyebut huruf-huruf vokal seperti ا - و - ي .

2. Getaran yang berlaku pada pita suara. Semasa proses penuturan huruf-huruf vokal pita suara sentiasa bergetar atau bergerak, sementara untuk proses penuturan huruf-huruf konsonan kadang-kadang bergetar dan kadang-kadang tidak.

3. Dari aspek fizik pemisahan antara huruf-huruf vokal dengan konsonan ialah penyebutan huruf-huruf vokal dibentuk daripada frekuensi yang tinggi dan tersusun, sementara huruf-huruf konsonan berbeza dengan mempunyai frekuensi yang lebih rendah. Ringkasnya kejelasan di dalam pendengaran daripada sebutan huruf-huruf vokal lebih tinggi berbanding dengan huruf-huruf konsonan (Abd al-Fattāḥ al-Barkāwiyy. 1990: 63 – 64).

Huruf-huruf konsonan terdiri daripada 28 huruf sebagaimana berikut :

(م - ل - ق - ف - ظ - ط - ض - ص - ش - س - ز - ذ - ح - خ)

Sementara huruf-huruf vokal pula sebanyak 3 huruf iaitu :

(ا - و - ي)

Terdapat 3 huruf yang boleh digunakan sebagai konsonan dan juga vokal iaitu huruf-huruf (ي - و - ا). Huruf-huruf ini digunakan sebagai konsonan apabila ia menerima baris bacaan atau huruf-huruf vokal, seperti pada perkataan-perkataan (وَهُبَّ) (telah memberi sesuatu secara percuma) - (يُنْظَرُ) (sedang melihat)

أَكْنَى (telah makan). Ia digunakan sebagai huruf vokal apabila ia tidak menerima baris bacaan, seperti pada perkataan-perkataan :

ـَلَامَ (telah tidur) ـِقْلَى (dikatakan) ـُسْلِمُونَ (orang-orang Islam).

Huruf-huruf konsonan ini boleh dibahagikan pula kepada beberapa bahagian berdasarkan kepada proses penuturan/penyebutan huruf-huruf berkenaan yang menghasilkan bunyi yang tertentu. Melalui proses penuturan/penyebutan huruf-huruf berkenaan wujudnya sifat-sifat bagi bunyi-bunyi tersebut. Sifat-sifat inilah yang menentukan sifat-sifat bagi huruf-huruf berkenaan. Sifat-sifat bunyi ini telah mengelaskan huruf-huruf berkenaan kepada :

1. Huruf-huruf yang mempunyai kekuatan sebutan yang tinggi dan usaha yang agak besar , iaitu huruf-huruf : **فٌ ضٌ ظٌ طٌ حٌ صٌ**.
2. Huruf-huruf yang mempunyai gerakan atau kekuatan sebutan yang sederhana, iaitu huruf-huruf : **أٌ بٌ تٌ ثٌ جٌ خٌ ذٌ زٌ سٌ شٌ عٌ غٌ فٌ كٌ وٌ هٌ يٌ** (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 6).
3. Huruf-huruf yang mempunyai gerakan sebutan yang lembut atau perlahan , iaitu huruf-huruf : **ڻ - ڻ - ڻ** . (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 6).

Sementara huruf-huruf vokal pula boleh dibahagikan kepada :

- 1) vokal panjang (long vowels) yang dinamakan oleh ulama terdahulu sebagai huruf mad yang terdiri dari huruf-huruf **أٌ وٌ يٌ** . Ia terbentuk apabila huruf-huruf ini dimatikan atau tidak berbaris dan sebelumnya ada huruf yang mempunyai baris yang menyamainya (Abd al-Ghaffar Ḥāmid Ḥilāl. 1988: 109), iaitu baris di atas bagi huruf **أٌ** baris di bawah untuk huruf **يٌ** baris di hadapan untuk huruf **وٌ** .

2) vokal pendek (short vowels) iaitu yang dilambangkan dengan baris-baris bacaan seperti : (۲ ، ۴ ، ۵). Para ulama Nahu menamakan vokal ini dengan nama huruf kecil yang dinisbahkan huruf-huruf vokal panjang tadi (Abd al-Ghaffār Ḥāmid Hilāl. 1988: 111).

3) Yang menyerupai vokal (أشباه الصوات), iaitu huruf-huruf ۹ و ۵ apabila kedua-duanya berada selepas daripada huruf yang mempunyai baris bacaan yang tidak menyamai huruf-huruf ini (Abd al-Ghaffār Ḥāmid Hilāl. 1988: 130), iaitu huruf-huruf ۹ و ۵ yang didahului oleh huruf yang mempunyai baris bacaan di atas, seperti pada perkataan-perkataan berikut :

”بَيْعٌ“ فِي (Jual) dan ”قُرْنٌ“ (kata-kata).

2.2. Makna Simbolik Huruf-Huruf Abjad Arab.

Di bawah tajuk ini, penulis akan membincangkan tentang sifat-sifat, ciri-ciri umum dan makna-makna yang ditunjukkan oleh huruf-huruf abjad Arab. Namun begitu, tidak kesemua huruf-huruf abjad Arab akan dibincangkan di sini, cuma huruf-huruf yang digunakan sebagai pembukaan surah-surah al-Quran (huruf-huruf Muqatta·ah) sahaja yang akan dibincangkan .

Perbincangan mengenai sifat-sifat serta ciri-ciri umum huruf-huruf abjad di sini menjuruskan tentang peranannya di dalam menentukan apakah makna yang ditunjukkan oleh huruf-huruf abjad apabila berada di dalam satu-satu perkataan dan seterusnya mempengaruhi pembentukan makna bagi perkataan yang dimiliki oleh huruf-huruf abjad tadi. Sementara perbincangan mengenai makna-makna yang

dimiliki oleh huruf-huruf abjad ialah berkisar sekitar makna yang ditunjukkan oleh huruf-huruf abjad dan peranannya di dalam membentuk makna bagi satu-satu perkataan.

Walaupun mengikut para ahli bahasa secara umumnya huruf-huruf abjad tidak mempunyai makna, tetapi mengikut sebahagian ahli bahasa Arab seperti Sayyid Qutub, Ibrahim Muhammad Naja dan Syabān Abd al-Āzīm Abd al-Rahman bahawa huruf-huruf abjad Arab ada mempunyai gambaran makna simbolik.

Hal tersebut jelas boleh dilihat melalui beberapa contoh berikut :

Perkataan **أَكْل** yang bermaksud “ makan ” apabila diubah huruf pertamanya kepada **وَكْل** berubah kepada makna “mewakili”. Begitu juga kepada perkataan –perkataan lain seperti **ذَهَبَ** (pergi) **وَهَبَ** (memberi sesuatu secara percuma) **نَصَرَ** (menolong) **نَظَرَ** (melihat) **عَقَدَ** (mengikat sesuatu) **عَهْدَ** (berjanji) dan banyak lagi perkataan-perkataan seumpamanya yang wujud di dalam bahasa Arab .

Mengikut pendapat Sayyid Quṭub bahawa bahawa makna yang terbit dari satu perkataan asal ialah makna yang diterbitkan berdasarkan kepada makhray huruf (daerah artikulasi) perkataan tersebut (Sayyid Quṭub. 1990: 36).

Ibrahim Muhammad Naja mengatakan bahawa wujudnya hubungkait antara lafaz dengan makna, persamaan ini kembali kepada suara dan ia kadang-kadang berlaku pada huruf, seperti yang berlaku pada perkataan **أَنْ** dan **هَذِهِ** yang memberi erti menggoncang, namun perkataan yang pertama memberi erti yang lebih kuat

pergerakannya berbanding dengan perkataan yang kedua (Ibrahim Muhammad Naja^ī. 1975: 16).

Tahiyyat^ū Abd al-Azīz menyebut bahawa semua huruf-huruf abjad Arab mempunyai makna berdasarkan kepada makhraj (daerah artikulasi) huruf-huruf berkenaan (Tahiyyat^ū Abd al-Azīz. 1990: 5).

Sya^ībān menegaskan bahawa sebutan huruf menggambarkan tentang makna sesuatu mengikut kedudukannya di dalam perkataan (Sya^ībān. 1991: 17)

Dalam hal ini, Ibrahim Muhammad Naja^ī mengatakan bahawa hubungkait yang wujud antara lafaz dan makna adalah suatu hubungkait yang tetap berlaku dan sekiranya ia tidak jelas ia adalah kerana pengamatan pengkaji yang kurang mendalam atau kerana di sana mungkin ada sesuatu tentang asal usul bahasa yang tidak sampai kepada kita sehingga tersembunyi hubungan tersebut kepada kita (Ibrahim Muhammad Naja^ī. 1975: 31)

Dari sini penulis bersetuju dengan pendapat yang mengatakan wujudnya hubungkait yang amat rapat di antara huruf dengan makna yang wujud pada satu-satu perkataan dan kita boleh bentuk satu kesimpulan di sini bahawa huruf mempengaruhi di dalam pembentukan makna bagi satu-satu perkataan. Dengan kata lain, huruf abjad Arab menunjukkan kepada makna yang tersendiri berdasarkan kepada sifat-sifat suara yang ada semasa berlakunya proses penuturan huruf-huruf abjad di dalam perkataan .

2.2.1. Huruf (﴿)

Huruf (﴿) merupakan huruf konsonan kerana ia boleh menerima baris yang mana ia bersifat dengan sifat sederhana tinggi sebutannya serta mempunyai daerah artikulasi di bahagian halkum (al-Barkawiyy. 1991: 104). Huruf ini terbentuk melalui sekatan udara yang keluar dari pita suara di bahagian halkum.

Huruf (﴿) ini menunjukkan kepada makna sesuatu yang satu, tunggal dan unggul (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 8), seperti perkataan-perkataan berikut :

الله – أَرْضٌ (Allah) – أَبْدِيٌّ (bumi) – أَصْلٌ (yang kekal) – أَصْلٌ (asal)

2.2.2. Huruf ﴽ

Huruf ini merupakan huruf dari jenis bilbial yang terbentuk hasil daripada pertemuan dua bibir atas dan bawah (Abd al-Ghaffar. 1988: 148). Dua bibir merupakan alat percakapan yang utama bagi manusia. Huruf ini dibentuk dengan berlakunya penutupan kedua-dua bibir mulut, kemudian bibir mulut dibuka dengan serta merta (al-Barkawiyy. 1991: 98) kerana huruf ﴽ merupakan huruf letupan, dan ia juga mempunyai sifat yang sederhana kuat.

Cara penyebutan huruf ini dan daerah artikulasinya menggambarkan bahawa ia mempunyai makna yang menunjukkan kepada permulaan bagi sesuatu perkara (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 25). Sebagai contohnya perkataan-perkataan seperti :

بَدَأَ (memulakan) – بَرَعَ (menyucikan) – بَنَى (membina) – بَرَغَ (terbit) .

Huruf ب yang berada di permulaan perkataan kata kerja menunjukkan kepada permulaan bagi sesuatu perkara .

Apabila huruf ini berada di akhir perkataan kata kerja ia akan menunjukkan kepada makna pelaksanaan aktiviti dalam sesuatu perkara dan aktiviti ini tidak akan berakhir keputusannya/natijahnya dengan berahirnya perlaksanaan aktiviti itu (Tahiyyat Abd al-Aziz. 1990: 25), seperti perkataan-perkataan berikut :

ضَرَبَ (memukul) - ثَابَ (kembali) - حَرَبَ (berperang) - وَثَبَ (terjun) .

2.2.3. Huruf (ح) Dan (ه)

Huruf ح merupakan huruf yang terbit dari kerongkong dan secara khususnya di bahagian dinding belakang kerongkong. Ia terbentuk hasil daripada pertemuan antara pangkal lidah dengan dinding belakang kerongkong (al-Barkawiyy. 1991: 104). Ia merupakan huruf kuat dan mempunyai gerakan yang tinggi.

Sementara huruf ه merupakan huruf yang keluar dari halkum (Abu Muhammad Abd al-Haq. 1994: 388) yang di situ terletaknya lubang glotis di mana terjadinya sempitan atau sekatan aliran udara yang melalui lubang glotis. Huruf ini merupakan huruf yang sederhana kuat .

Oleh itu huruf ح digunakan untuk menunjukkan makna-makna berikut :

1) Untuk menunjukkan kepada suasana yang sukar serta sesuatu yang hidup dan bergerak (Tahiyyat Abd al-Aziz. 1990: 17), seperti perkataan-perkataan berikut :

حرّ (panas) - حَمِيمٌ (sahabat handai)

حَادٌ (yang tajam) - **حَرْقٌ** (terbakar hangus).

2) Untuk menunjukkan makna bagi perbuatan yang melampaui batasan (Taḥiyyat Abd al-Azīz. 1990: 17), seperti perkataan-perkataan berikut :

حَجَزٌ (menegah/menahan) - **حَبْسٌ** (menahan/menegah)

حَرَثٌ (membajak) - **حَرَبٌ** (berperang).

3) Untuk menunjukkan makna bagi perkara yang meninggalkan kesan terhadap jiwa manusia (Taḥiyyat Abdul Azīz. 1990: 17), misalnya :

حَسَدٌ (berdengki) - **حَقَدٌ** (berdendam)

حَسْرٌ (penat) - **حَبَّةٌ** (kasih/sayang)

Sementara huruf **ه** digunakan untuk menunjukkan sesuatu yang tidak mempunyai pergerakan yang kuat, sesuatu yang rosak dan tidak berkemampuan (Taḥiyyat Abd al-Azīz. 1990: 17), seperti perkataan-perkataan berikut :

هَانٌ (senang/hina) - **هَمٌ** (cuai) - **هَرَبٌ** (lari)

هَجَنَّةٌ (cacat) - **هَدَّ** (runtuh) .

Jika dibuat perbandingan di antara perkataan **هَانٌ** dengan **هَانَ** maka kita dapati bahawa **هَانٌ** menunjukkan makna lemah dan tiada kepentingan, berbanding dengan **هَانَ** yang menunjukkan kepada kemampuan untuk menentukan waktu, iaitu penentuan bagi waktu yang tertentu.

2.2.4. Huruf (ء) Dan (ض).

Kedua-dua huruf ini merupakan huruf yang sama dari segi daerah artikulasinya (makhraj) dan juga sebahagian besar sifatnya. Kedua-duanya merupakan huruf yang terbentuk hasil dari pertemuan depan lidah dengan pangkal gigi dan gusi atas (al-Barkāwiyy. 1991: 100).

Kedua-dua huruf ini merupakan jenis plosif yang dihasilkan dengan jalan udara tersekat sama sekali dan kemudiannya dilepaskan dengan serta merta supaya menghasilkan suatu bunyi yang dicirikan oleh letusan.

Walaupun kedua-dua huruf ini dari daerah artikulasi yang sama, namun ia mempunyai sifat yang berbeza di mana huruf (ء) merupakan huruf yang sederhana tinggi sebutannya berbanding huruf (ض) merupakan huruf yang kuat dan tebal serta mempunyai gerakan yang tinggi sebutannya.

Huruf (ء) berdasarkan sifatnya yang sederhana tinggi, maka ia mempunyai beberapa maknanya yang tersendiri. Secara umumnya ia memberi erti suatu pergerakan yang sederhana dan lembut (Ibrahim Muhammad Najaī. 1975: 54). Berikut beberapa makna yang dimiliki oleh huruf (ء) :

1. menunjukkan kepada makna pergerakan yang lembut, berseni dan bersopan, seperti pada perkataan-perkataan berikut :

دَرْسٌ (belajar) - كُلْكَ (gelincir).

2. menunjukkan kepada makna pergerakan yang kecil, seperti perkataan-perkataan berikut :

دَفْعَةٌ (menolak) - **تَلَّ** (menunjukkan) - **دَهِشَن** (hairan).

Huruf (ض) pula menunjukkan kepada makna-makna berikut :

1. perbuatan yang mempunyai gerakan yang tinggi dan besar kesannya (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 26), seperti pada perkataan-perkataan berikut :

ضَامٌ (menganinyanyai) - **ضَرَبَ** (memukul)

ضَرَاجٌ (melumuri sesuatu) - **ضَرَّ** (memudaratkan) - **ضَلَّ** (sesat).

2. menunjukkan kepada makna sesuatu yang lemah selepas adanya kekuatan, apabila selepasnya ada huruf lembut atau sederhana (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 26), seperti perkataan-perkataan berikut :

ضَمَرَ (kurus) - **ضَوْلَ** (kecil/berkurangan) - **ضَعْفَ** (lemah).

Sebagai kesimpulannya bahawa huruf (ض) merupakan huruf lembut dan sederhana tinggi sifatnya menunjukkan kepada makna yang sederhana kuat, lembut dan lemah, sementara huruf (ض) pula yang merupakan huruf yang kuat dan tinggi sifatnya menunjukkan kepada makna yang kuat, keras dan besar .

2.2.5. Huruf (ر).

Huruf ini merupakan huruf yang amat berbeza sekali dengan huruf-huruf lain dalam abjad Arab. Huruf ini daerah artikulasinya (makhraj) di bahagian gusi sebelah atas (Abu Muhammad Abd al-Haq. 1994: 389) dan merupakan satu-satunya huruf getaran di dalam kumpulan abjad Arab. Ia diterbitkan dengan cara hujung atau bahagian hadapan lidah berada pada bahagian atas gusi dan lidah digerakkan dengan berulang-ulang dengan menahan dan melepaskan aliran udara dalam tempoh yang

paling singkat. Huruf ini sama dengan huruf (R) di dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Huruf ini merupakan huruf yang sederhana kuat dan sederhana tinggi sifatnya. Huruf ini mempunyai sifat yang paling unggul iaitu sifat getaran. Oleh kerana sifatnya dan cara sebutannya seperti itu, maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang berulang-ulang atau perbuatan yang berbentuk ulangan serta berulang-ulang kali berlaku. Kalau kita perhatikan kita akan dapati bahawa sebahagian kata kerja yang dimulai oleh huruf (ر) memberi erti perbuatan yang berulang kali berlakunya (Ibn Jinni. 1993: 1/193), seperti perkataan-perkataan berikut :

رَجَعَ (pulang) - رَدَمَ (memperbaiki)

رَدَفَ (mengikuti) - رَدَّ (mengembalikan/memulangkan).

2.2.6. Huruf (س) Dan (ص).

Kedua-dua huruf ini merupakan huruf frikatif atau geseran, dan mempunyai daerah artikulasi yang sama. Huruf (س) dan (ص) mempunyai daerah artikulasi di bahagian gusi atas (Abu Muhammad Abd al-Haq. 1994: 390) di mana ia dihasilkan dengan hujung lidah bertemu dengan gusi atas, dan menahan sedikit aliran udara keluar.

Kalau kita lihat kepada huruf (س) ia merupakan huruf yang mempunyai sifat sebutan yang sederhana tinggi. Hal ini telah mempengaruhi huruf ini dari segi penggunaannya di dalam perkataan, ia menunjukkan kepada makna sebarang

pergerakan yang mudah dan senang. Huruf ini biasanya digunakan untuk menunjukkan makna perjalanan yang mudah dan senang (Taḥiyyat Abd al-Azīz. 1990: 28) seperti pada perkataan-perkataan berikut :

سَارَ (berjalan) - سَرَبَ (berjalan ketempat tidur)

سَاجَ (berjalan kerana ibadat/ melancong).

Ia juga digunakan untuk menunjukkan makna pergerakan yang berpanjangan, seperti pergerakan air (Taḥiyyat Abd al-Azīz. 1990: 28). Contohnya kita boleh lihat pada perkataan-perkataan berikut:

سَالَ (mengalir) - سَمَكَ (mengangkat)

سُلِيَّ (terhibur hati kerana sesuatu) - سَقَطَ (jatuh).

Ia juga kadang-kadangnya digunakan untuk makna perbuatan yang tidak ada pergerakan (Taḥiyyat Abd al-Azīz. 1990: 28), seperti perkataan-perkataan :

سَكَنَ (menetap) - سَكَتَ (diam) - سَخَطَ (marah).

Huruf (ص) pula mempunyai sifat sebutan yang berbeza dengan huruf (س) iaitu ia bersifat dengan sifat tinggi, maka sudah pastilah makna yang ditunjukkan oleh huruf (ص) juga berbeza dengan makna yang ditunjukkan oleh huruf (س). Kalau kita lihat sebelum ini bahawa huruf (ص) menunjukkan kepada makna pergerakan yang mudah dan senang, maka huruf (ص) pula menunjukkan kepada makna yang sebaliknya, iaitu ia memberi makna sebarang perkara yang kuat, keras dan bertenaga serta ada kesan pada pandangan mata (Şubhi Saleh. 1981: 143) seperti perkataan-perkataan berikut :

صَعْدَة (mendaki) - **صَلَبَة** (keras dan licin) - **صَلَبَة** (keras)

صَرَخَة (sabar) - **صَادَة** (teriak/melaung) - **صَادَة** (memburu).

2.2.7. Huruf (ط).

Huruf ini merupakan huruf yang mempunyai sifat yang kuat dan tinggi gerakannya (Subhi Ṣaleḥ, 1981: 143). Ia merupakan salah satu dari jenis alveolar yang terbentuk hasil dari pertemuan hujung lidah dengan bahagian gusi atas dan pangkal gigi (Abu Muhammad Abd al-Haq, 1994: 390), ia dikenali juga sebagai huruf qalqalah (قَلْقَلَة).

Huruf ini menunjukkan kepada beberapa makna yang berdasarkan kepada sifatnya iaitu kuat, tinggi dan keras . Di antara makna yang dipunyai oleh huruf ini ialah perbuatan yang memberikan kesan yang kuat ke atas sesuatu (Tahiyyat Abd al-Aziz, 1990: 20), seperti perkataan-perkataan :

طَحْنَة (mengisar) - **طَبَعَة** (mencetak) - **طَرْحَة** (mencampak)

طَمَسَة (menghapuskan) - **طَمَىَة** (melimpah).

Huruf ini juga menunjukkan makna kcantikan, ketinggian dan penguasaan (Tahiyyat Abd al-Aziz, 1990: 20), contohnya perkataan-perkataan berikut :

طَلَاسَة (elok) - **طَرَّة** (penguasaan) - **طَلَانَة** (tinggi)

طَلَعَة (naik) - **طَابَة** (baik) - **طَارَة** (terbang).

Ia juga menunjukkan makna luas, kemuliaan, kekuatan, jatuh dari ketinggian dan jauh (Tahīyyat Abd al-Āzīz. 1990: 20). Makna ini boleh dilihat pada perkataan-perkataan berikut :

سَطْ (membentang / menggembang) – سَطْ (betul / lurus)

لَهْ (menampar) – هَبَطْ (turun / jatuh) – هَبَقْ (jatuh) .

Secara umumnya huruf ini menunjukkan kepada makna kuat , tinggi , luas dan besar yang sesuai dengan sifat yang dimilikinya sendiri dan sifat suara yang ada semasa proses penyebutannya berlaku .

2.2.8. Huruf (ئ).

Huruf (ئ) merupakan huruf yang mempunyai daerah artikulasinya dari kerongkong (Muhammad Makkiyy. 1349H: 68). Huruf ini merupakan huruf yang sederhana kuat berdasarkan kepada sifat suara semasa proses penuturnannya berlaku. Huruf ini merupakan di antara huruf yang sederhana tinggi sebutannya.

Huruf ini mempunyai daerah artikulasi yang jauh ke dalam dan sekali gus ia merupakan huruf yang sangat susah untuk proses penuturnannya. Ia dihasilkan dengan pangkal lidah dihampirkan ke dinding bahagian belakang halkum (al-Barkāwiyy. 1991: 104). Oleh kerana huruf ini mempunyai daerah artikulasi yang sedemikian dan proses penuturnannya yang agak sukar dari huruf-huruf lain, maka ia menunjukkan kepada makna-makna halangan, lambat, jauh dan susah untuk dicapai (Tahīyyat Abd al-Āzīz. 1990: 22 – 23). Makna-makna tersebut dapat dilihat pada perkataan-perkataan berikut :

‘عَنْاءٌ’ (kerja keras) - ‘عَتِيقٌ’ (yang lama / yang merdeka / bebas)

‘بُعْدٌ’ (jauh) - ‘عَاقٌ’ (melambatkan) - ‘عَزْمٌ’ (bercita-cita) - ‘عَمْقٌ’ (dalam)

Ia juga menunjukkan kepada makna pergerakan minda atau sebarang perbuatan yang tidak melibat pergerakan anggota badan (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 23), sebagai contohnya perkataan-perkataan berikut :

‘عِلْمٌ’ (mengetahui) - ‘عَرَفٌ’ (tahu / kenal) - ‘عَجَبٌ’ (hairan)

‘عَقْلٌ’ (memikirkan) - ‘عِهْدٌ’ (mengetahui).

2.2.9. Huruf (ق) Dan (ك).

Huruf (ق) merupakan huruf yang keluar dari makhraj atau daerah artikulasi di bahagian pangkal lidah (Muhammad Makkiyy. 1394H: 34). Ia dihasilkan dengan pita suara berperanan menyempitkan laluan udara keluar melaluinya. Sementara huruf (ك) merupakan huruf yang keluar dari makhraj atau daerah artikulasi lelangit lembut yang dihasilkan melalui pertemuan antara pangkal lidah dengan lelangit lembut .

Huruf (ق) merupakan huruf yang mempunyai sifat yang tinggi dan kuat sebutannya. Ia juga dikenali sebagai huruf qalqalah. Berdasarkan kepada sifat-sifat tinggi dan kuat yang dipunyai oleh huruf ini serta daerah artikulasinya yang agak dalam, maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang terangkat dari permukaan bumi, ia juga menunjukkan kepada makna sesuatu pergerakan yang berputar atau separuh berputar dan pergerakannya adalah kuat (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 24).

Bagi kata kerja yang mengandungi huruf (ق) menunjukkan kepada pergerakan yang terangkat dan kadang-kadang terangkat kemudian jatuh dengan kuat (Taḥiyyat Abd al-Azīz. 1990: 24) seperti perkataan-perkataan berikut :

فَبَّ (membina) - قَمْرٌ (bulan) - قَتَمَ (berterbangan) - قَرَطَ (mencincang)

فَاضَ (meruntuh) - فَيَضَ (bertukar-tukar) - فَهَزَ (melompat).

Sementara huruf (ك) merupakan huruf yang sederhana kuat dan sederhana tinggi sifatnya yang mempunyai daerah artikulasi di bahagian lelangit lembut merupakan huruf yang mudah di sebut. Makna yang ditunjukkan oleh huruf ini ialah pergerakan yang lembut dan perlahan dan melibatkan pergerakan di atas permukaan bumi serta tiada pergerakan yang tinggi (Taḥiyyat Abd al-Azīz. 1990: 24). Sebagai contohnya perkataan-perkataan berikut :

كَتَمَ (menyembunyikan) - كَتَبَ (menulis) - كَذَبَ (bohong) - كَثْفَ (tebal)

كَرَزَ (bersembunyi) - كَسَحَ (menyapu) - كَشَفَ (membuka).

2.2.10 . Huruf (ل).

Huruf ini mempunyai sifat yang sederhana tinggi dan kekuatan yang biasa dan mempunyai daerah artikulasi di bahagian gusi atas (Muhammad Makkīyy. 1394H: 35). Semasa proses penuturnya berlaku hujung lidah diangkat ke atas bertemu dengan gusi bahagian atas serta menahan pergerakan udara di tengah-tengah mulut dan melepaskannya di sisian lidah, sementara hujung lidah berada tetap pada titik pertemuan di bahagian gusi tanpa bergerak/berubah sehingga sebutannya selesai. Huruf ini merupakan huruf sisian.

A510975298

titik pertemuan di bahagian gusi tanpa bergerak/berubah sehingga sebutannya selesai. Huruf ini merupakan huruf sisian.

Berdasarkan kepada sifat sebutannya inilah maka huruf ini menunjukkan makna berjumpa, bersentuh atau berhubung apabila berada di permulaan kata kerja. Sebagai contohnya :

لَطَّافٌ (menampar) – لَطَّافَ (menyepak) – لَنْقَةٌ (melekat)

لَبِدَ (melekat) – لَحْسَةٌ (menjilat) – لَطْخَةٌ (melumur).

Ia juga menunjukkan kepada makna pergerakan yang berhubungkait dengan sesuatu (Taḥiyyaṭ Abd al-Azīz. 1990: 18), seperti :

لَبَّ (mengeluarkan) – لَبِسَ (memakai) – لَبَخَ (memukul) – لَعِبَ (bermain).

Jika ia diikuti oleh huruf yang kuat dan tinggi ia menunjukkan makna perbuatan yang ada hubungkait dengan sesuatu dasar, ikutan dan peraturan (Taḥiyyaṭ Abd al-Azīz. 1990: 19), seperti :

لَكَدَ (melencong) – الْحَقَّ (melampirkan) – لَجَّ (degil) – دَلَّ (menunjukkan).

Apabila ia berada pada akhir perkataan kata kerja maka ia menunjukkan kepada makna membawa, mengangkat dan melakukan sesuatu (Taḥiyyaṭ Abd al-Azīz. 1990: 19), sebagai contohnya :

فَصَلَ (memisahkan) – شَمَلَ (merangkumi) – حَمَلَ (membawa)

فَتَلَ (melilit) – عَمِلَ (melakukan) – فَعَلَ (membuat).

2.2.11. Huruf (پ).

Huruf (پ) merupakan huruf bilabial, iaitu ia terjadi hasil daripada pertemuan bibir bawah dengan bibir atas (Abu Muhammad Abd al-Haq. 1994: 391). Huruf ini juga tergolong dalam jenis sengauan. Semasa proses penuturnya berlaku kesemua udara dialirkan keluar melalui rongga hidung dan kesemua laluan udara melalui rongga mulut ditutup dari sebarang laluan udara dan kedua-dua bibir mulut ditutup rapat-rapat. Huruf ini juga merupakan huruf lembut dan hanya pergerakan yang kecil sahaja berlaku semasa proses penyebutannya.

Huruf ini apabila ia berada di permulaan kata kerja maka ia menunjukkan kepada makna perbuatan yang tetap dan tidak memerlukan kepada sebarang pergerakan (Tahiyyat Abd al-Aziz. 1990: 21), seperti :

مَكَثَ (tinggal / menetap) - مَدَحَ (memuji) - مَاتَ (mati).

Jika ia diikuti oleh huruf yang mempunyai pergerakan yang tinggi atau sederhana maka ia menunjukkan kepada makna perbuatan yang hanya memerlukan kepada pergerakan setempat sahaja atau pergerakan luar yang kecil sahaja (Tahiyyat Abd al-Aziz. 1990: 21). Sebagai contohnya :

مَالَ (cenderung) - مَادَ (condong)

مَارَ (membawa makanan) - مَيْزَ (membezakan)

Sementara apabila huruf ini terletak di akhir perkataan maka ia menunjukkan kepada makna selesai, sempurna atau tutup, seperti :

ضَمَ (mengumpul) - زَمَ (mengikat) - تَمَ (selesai)

لَمَّا (rata) - **لَمَّا** (menghimpun)

Huruf (ل) juga mempunyai sifat merubah perkataan yang mempunyai pergerakan menjadi perkataan yang tidak mempunyai sebarang pergerakan (Tahiyyat Abd al-Aziz, 1990: 21), seperti perkataan-perkataan :

فَتَّلَ (membunuh) kepada **مَفْتُولٌ** (yang kena bunuh)

لَعِبَ (bermain) kepada **مَنْعِبٌ** (tempat bermain).

2.2.12. Huruf (ن).

Huruf (ن) sama juga dengan huruf (م). Ia merupakan huruf sengauan dan lembut serta mempunyai pergerakan yang minima. Ia mempunyai daerah artikulasi di bahagian gusi atas. Ia dihasilkan dengan hujung lidah ditemukan dengan gusi atas (Husni Syeikh Othman, 1401H: 133). Huruf ini walaupun ia sama dengan huruf (م) dari segi jenis sengauannya, namun proses penyebutannya berbeza dari huruf (م), di mana semasa proses penyebutannya bibir mulut tidak ditutup berbanding dengan proses penyebutan huruf (م).

Huruf ini menunjukkan kepada makna menafikan dan menolak sesuatu, contohnya :

نَفِى (menafikan) - **نَهَرَ** (herdik / memancut / mengalir) - **نَهِى** (menegah).

Ia juga digunakan untuk makna suara sesuatu yang berbagai-bagai (Tahiyyat Abd al-Aziz, 1990: 22), misalnya:

غَنْ (menyayi) – **رَنْ** (bunyi dering) – **طَنْ** (berdengung) – **لَفْمٌ** (lagu).

Huruf (ڻ) ini pada umumnya melambangkan kepada pergerakan yang lembut dan perlahan. Kalau kita lihat kepada contoh-contoh kata kerja di atas kita dapati bahawa kesemuanya mempunyai pergerakan yang perlahan dan lembut.

2.2.13. Huruf (ڻ).

Huruf (ڻ) merupakan huruf yang sederhana kuat dan sederhana tinggi sifat sebutannya. Huruf ini terbentuk di daerah artikulasi antara dua bibir mulut (Husni Syeikh Othman. 1401H: 136) di mana ia dihasilkan dengan membulatkan kedua-dua bibir mulut dan membebaskan udara keluar melalui pita suara tanpa sekatan (al-Barkawiyy. 1991: 98).

Huruf (ڻ) disebut dengan keadaan mulut yang terbuka. Maka ia melambangkan kepada makna luas apabila berada pada perkataan kata kerja atau perkataan kata nama yang diterbitkan dari kata kerja (Taḥiyyaṭ Abd al-Azīz. 1990: 8), seperti :

وَضْحَ (jelas) – **وَرَاءَ** (dibelakang) – **وَهَمَ** – **وَسَعَ** (luas) (sangkakan)

2.2.14. Huruf (ڦ)

Huruf (ڦ) merupakan huruf yang terbentuk hasil daripada sekatan udara di titik pertemuan antara bahagian hadapan lidah dengan bahagian hadapan lelangit

(Husni Syeikh Othman. 1401H: 134). Ia dari jenis yang bersifat sederhana tinggi sebutannya.

Sesuai dengan sifat yang dimilikinya maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu kehidupan yang baru atau disandarkan kepada sesuatu yang hidup ataupun ia juga menunjukkan kepada mengembalikan sesuatu (Tahiyat Abd al-Aziz. 1990: 9). Sebagai contohnya pada perkataan-perkataan berikut :

“يَتِيمٌ” (anak yatim) – “يَقْظَةٌ” (jaga) – “يَوْمٌ” (hari) – “يُنْبِيُّ” (burung helang).

2.3. Ciri-Ciri Huruf-huruf Abjad Bahasa Arab.

2.3.1. Pendahuluan.

Perbincangan mengenai perbezaan bahasa Arab dengan bahasa-bahasa lain amat penting untuk melihat ciri-ciri utama abjad bahasa Arab. Di sini penulis hanya akan mengemukakan perbezaan yang ada pada huruf-huruf abjad atau sistem fonologi bahasa Arab dengan bahasa-bahasa lain. Melalui perbandingan ini kita akan dapat melihat bentuk-bentuk penggunaan huruf yang ada pada bahasa Arab khususnya dan juga bahasa-bahasa lain yang dijadikan perbandingan dengan bahasa Arab ini. Dengan kata lain, kita mampu melihat aspek fonologi yang ada pada bahasa Arab dan juga bahasa-bahasa lain.

Perbincangan utama yang akan dikemukakan di sini ialah perbezaan bahasa Arab dengan bahasa Inggeris. Penulis memilih bahasa Inggeris sebagai perbincangan utama di sini adalah kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa yang terkaya selepas daripada bahasa Arab, kerana ia merupakan bahasa gabungan antara bahasa Jerman lama dengan bahasa Latin dan banyak sumber-sumber bahasa diambil dari bahasa Greek lama (Tahīyyat Abd al-Azīz. 1990: 10). Di samping itu, penulis akan mengemukakan juga perbezaan bahasa Arab ini dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu yang merupakan bahasa utama di rantau ini.

2.3.2. Vokal Panjang Dan Pendek .

Ciri utama yang ada pada bahasa Arab ialah dari aspek penggunaan huruf vokal. Kalau kita lihat kepada sesetengah bahasa lain ia hanya menggunakan satu jenis huruf vokal sahaja yang dipanggil sebagai vokal pendek (short vowels). Hal ini boleh disaksikan dengan jelas di dalam bahasa Melayu yang tidak menggunakan vokal yang panjang.

Bahasa Arab mempunyai tiga jenis huruf vokalnya iaitu huruf vokal pendek (short vowels), huruf vokal panjang (long vowels) dan jenis separa vokal, sebagaimana yang kita telah lihat sebelum ini di permulaan bab ini dulu. Tetapi apa yang akan dibincangkan di sini adalah mengenai jenis yang pertama dan kedua sahaja. Vokal panjang ini dikenali juga dalam bahasa Arab sebagai huruf mad (حروف المد) iaitu huruf panjang dan ia juga dikenali sebagai huruf hawaiyyah (هوائية) iaitu huruf udara, ia dinamakan sebagai huruf udara kerana pita suara melepaskan terus udara keluar semasa proses penuturannya. Huruf-huruf tersebut ialah ا و ة (al-Barkawiyy. 1991: 66 – 68).

Penggunaan huruf-huruf vokal di dalam bahasa Arab boleh mempengaruhi aspek makna atau semantik di dalam satu-satu perkataan. Penggunaan huruf-huruf vokal panjang dan pendek boleh memberi kelainan makna di antara perkataan-perkataan yang diduduki masing-masing. Ini bermakna bahawa perkataan yang sama yang dimasuki oleh vokal (ـ) pendek misalnya memberi erti yang berbeza apabila ia dimasuki oleh vokal (ـ) panjang, sebagai contohnya perkataan :

الْمَطَّارُ dengan المطر .

Kalau kita lihat pada kedua-duanya mempunyai huruf vokal (ـ), tapi yang pertama vokal (ـ) pendek, sementara yang kedua vokal (ـ) panjang, dan kita dapati makna kedua-duanya juga berbeza di matra **النَّظَرُ** bererti hujan sementara **الْمَكَارُ** bererti lapangan terbang.

Di dalam bahasa Inggeris walaupun ada penggunaan vokal panjang namun penggunaannya tidak begitu ketara berbanding dengan penggunaannya di dalam bahasa Arab. Ianya boleh dilihat pada perkataan-perkataan seperti berikut :

About – abroad – leave – around .

Sementara di dalam bahasa Melayu tidak adå langsung penggunaan vokal panjang. Yang ada di dalam bahasa Melayu hanyalah vokal pendek. Sebarang penggunaan vokal di dalam bahasa Melayu hanyalah menggunakan vokal pendek. Hal ini dengan jelas kita boleh lihat pada perkataan-perkataan berikut :

mari - pergi - untuk - malam - emak- datuk - tienek.

2.3.3. Penggunaan Huruf dan penyebutan Lambang Yang Jelas Di Dalam Bahasa Arab.

Bahasa Arab merupakan antara bahasa yang paling jelas dan terang dari segi penggunaan huruf-hurufnya. Tidak berlaku sebarang kesamaran pada sebutan huruf-huruf abjad walaupun berada pada apa keadaan sekali pun di dalam perkataan. Keadaan ini telah menjadikan bahasa ini sebagai bahasa yang unggul di dunia ini dan bahasa yang lama boleh bertahan dengan keunggulannya.

Kalau kita tinjau pada sebahagian bahasa-bahasa lain ciri ini kadang-kadang kurang wujud. Sebagai contoh bahasa Inggeris moden mempunyai huruf baru yang diterbitkan dari bahasa-bahasa lain. Misalnya huruf (P) merupakan huruf baru yang asalnya ialah huruf (x) yang digunakan di dalam bahasa Latin yang menggambarkan huruf-huruf (S) + (K) yang kemudiannya bergabung menjadi huruf (P) (Taḥīyyat Abd al-Azīz, 1990: 42). Begitu juga dengan penyebutan lambangnya. Sebutan lambang abjad dalam bahasa Inggeris boleh berubah apabila huruf tersebut berada pada perkataan yang berlainan, sebagai contohnya huruf “ U ” pada perkataan **umbrella** berbeza sebutannya antara huruf “ U ” yang ada pada perkataan **united**.

Di dalam bahasa Melayu juga berlaku kesamaran pada penggunaan huruf atau penyebutan lambangnya. Sebagai contoh penggunaan huruf “A” pada perkataan **saya**. Bunyi huruf “A” pada suku kata pertama iaitu **sa** berbeza dengan bunyi pada suku kata kedua iaitu **ya**. Kalau di lihat pada huruf abjadnya sendiri pun bahasa Melayu mempunyai dua bentuk huruf abjad iaitu abjad Rumi dan juga Jawi yang kedua-duanya diambil dari bahasa lain iaitu Rumi dari abjad Roman dan jawi dari abjad Arab.

2.3.4. Wazn (Pola) Perkataan .

Di dalam penggunaan bahasa terdapat satu proses yang dipanggil sebagai proses penerbitan perkataan. Ianya wujud di dalam setiap bahasa. Proses ini penting di dalam penggunaan bahasa bagi memperluaskan lagi penggunaan sesuatu perkataan di dalam bahasa-bahasa tertentu. Melalui proses ini satu perkataan asal boleh diterbitkan menjadi beberapa perkataan baru yang mempunyai makna dan juga penggunaan yang berlainan daripada makna dan penggunaan yang dipunyai oleh perkataan asalnya. Namun begitu, ia masih lagi bergantung kepada dasar perkataan asalnya dari segi makna dan juga penggunaannya. Sebagai contohnya perkataan **membawa** yang diterbitkan dari perkataan **bawa** dalam bahasa Melayu dan perkataan **ذاهب** yang diterbitkan dari perkataan **ذهب** dalam bahasa Arab.

Setiap perkataan yang hendak diterbitkan perlu melalui langkah yang tertentu di dalam proses ini. Misalnya di dalam bahasa Melayu kita perlu melakukan penambahan imbuhan kepada perkataan asal untuk mendapatkan perkataan baru, sama ada imbuhan awalan, akhiran ataupun sisipan. Sebagai contoh kita boleh lihat kepada perkataan-perkataan berikut :

memukul, melihat, menaiki, bangunan, penambahan, ekoran.

Sementara proses penerbitan perkataan di dalam bahasa Arab agak jauh berbeza, kerana proses penerbitannya tidak berdasarkan kepada pengimbuhan seperti dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris tetapi ia berdasarkan wazn (pola) atau bentuk-bentuk perkataan yang telah ditentukan. Setiap wazn (pola) mempunyai maknanya yang tersendiri. Bagi perkataan kata kerja (fi'il) bahasa Arab ada 14 wazn yang dikaitkan dengan fa'il / pembuat, iaitu ia berdasarkan kepada yang

terlibat melakukan perbuatan pada kata kerja berkenaan. Sebagai contoh perkataan berikut :

كَتَبَ : dia (seorang lelaki) telah menulis

كَتَبَا : mereka (dua orang lelaki) telah menulis

كَتَبُوا : mereka (ramai lelaki) telah menulis.

Kemudian setiap perkataan kata kerja ini boleh diterbitkan pula menjadi kata nama mengikut wazn-wazn yang tertentu. Setiap kata kerja boleh diterbitkan menjadi perkataan-perkataan seperti, ism *fā'il* (kata nama pembuat), ism *maf'ūl* (kata nama yang kena buat), ism *makān* (kata nama tempat), ism *zamān* (kata nama masa) dan, ism *ālat* (kata nama alat) dengan menggunakan wazn masing-masing.

Sebagai contoh perkataan **كتب** boleh diterbitkan menjadi perkataan-perkataan berikut :

كتاب - **مكتوب** - **مكتبة** - **كاتب** (buku) - (tersurat) - (meja) - (penulis)

كتابه - **كتاب** - **كتبي** - **كتابة** (penjual kitab) - (sekolah) - (penulisan)